Demokrasi: Antara politik dengan ekonomi

JIKA kita mengandaikan bahawa ada beberapa perkara yang tidak betul dengan amalan demokrasi di Malaysia sekarang, maka soalan yang akan timbul ialah: negara manakah di dunia ini yang mengamalkan demokrasi tulen.

Soalan seumpama itu memang tidak dapat dijawab dengan tepat kerana dalam pengertiannya yang asli dan murni, demokrasi memang tidak pernah diamalkan secara mutlak bilabila masa dan di sebarang tempat pun.

Agaknya kerana sangat selalu digunakan, maka pengertian atau takrif daripada istilah "demokrasi" itu selalu pun mengalami kekaburan atau "ambiguity".

Oleh DR. FIRDAUS ABDULLAH

Namun begitu, istilah tersebut secara meluas masih digunakan untuk menilai buruk-baiknya sesuatu sistem pemerintahan atau sebarang bentuk kepimpinan. Kerana itulah maka tokoh-tokoh pemimpin atau negara-negara tertentu di dunia ini merasa perlu menggunakan istilah "demokrasi" itu untuk memperlihatkan keunggulan atau untuk memberi justifikasi kepada cara dan gaya kepimpinan masing-masing.

Dan untuk menyesuaikan dengan masa, tempat dan keadaan maayarakat serta cita-cita politik masing-masing, maka perkataan "demokrasi" diberi gelas atau digabungkan dengan istilah-istilah lain yang dianggap menarik.

Demikianlah, umpamanya negara-negara komunis, terutama di Eropah Timur, di suatu masa dulu melaungkan cita-cita politik mereka dengan'slogan "demokrasi rakyat" atau "demokrasi proletar".

Di negara China Komunis dalam tahun 1950-an, pemimpinnya masa itu, Mao Tse Tung, telah mengemukakan satu gagasan politik yang diberi nama "demokrasi baru" atau "new democracy".

Di beberapa negara Asia-Afrika dalam tahun 1960-an telah meluas pula penggunaan slogan "demokrasi nasional."

Pada tahun 1958, di Pakistan, Presiden Ayub Khan memperkenalkan pula satu bentuk demokrasi yang diberinya nama "basic demokracy" atau "demokrasi dasar".

Popular

Manakala di Indonesia dalam tahun 1959 Presiden Sukarno pula memperkenalkan konsep "demokrasi terpimpin" yang beberapa tahun kemudian ditukar oleh pimpinan Presiden Suharto dengan satu konsep lain yang bernama "demokrasi pancasila".

Di negara kita pernah pula timbul istilah "demokrasi rukunegara". Manakala setengah golongan yang mempunyai sifat kritikal, telah mengeluarkan amalan demokrasi di Malaysia ini sebagai "limited democracy" atau "demokrasi terbatas".

Demikianlah, dengan gelaran atau "adjectives" yang berbagai itu, istilah yang berbagai pula. Semuanya ini telah mempersulit sebarang percubaan untuk mengukur dengan tepat apakah atau bagaimanakah amalan "demokrasi" itu yang betul.

Secara mudah dan popular, demokrasi itu biasanya diertikan sebagai "pemerintahan oleh atau kekuasaan di tangan orang ramai". Atau kalau hendak ditakrifkan dengan cara yang lebih khusus dan sistematik, maka kita bolehlah dikatakan sebagai "satu sistem politik yang berasaskan pemerintahan dengan penyertaan dan kerelaan sebahagian besar golongan yang diperintah".

Untuk tujuan itu, setiap ahli sesautu sistem politik atau warga sesebuah negara itu mestila diberi kebebasan memilih wakil atau pemimpin, menyuarakan pendapat dan kecaman serta mengemukakan hasrat dan aspirasi mereka. Dengan demikian, dapatlah dianggap bahawa rakyat ramai turut serta dalam proses pemerintahan, dalam menentukan corak kekuasaan politik negaranya, dan dalam mengkritik sesuatu yang tidak disukainya.

Kritik atau kecaman terhadap amalan demokrasi, terutamanya di negara-negara yang sedang membangun, biasanya ditujukan kepada rintangan-rintangan atau keterbatasaan dalam menyuarakan pendapat dan kecaman serta dalam mengemukakan hasrat dan aspirasi tersebut.

Amalan

Demikian pulalah di Malaysia ini, antara perkara-perkara yang sering menjadi sasaran kecaman ialah fasal-fasal tertentu dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri (Internal Security Act), Akta Perindustrian Pindaan 1969 (Industrial Relations Amandment-Act of 1969), Akta Kolej dan Universiti Pindaan 1975 (University and University Colleges — Amendment — Act 1975), dan Akta Profession Undang-Undang 1975 (Legal Profession Act 1975).

Semuanya dikecam sebagai bertentangan dengan semangat demokrasi kerana masing-masing dari akta tersebut menyekat kebebasan berpolitik di kalangan pemimpin kesatuan sekerja, pelajar dan pensyarah universiti. Begitu juga sebahagian dari mereka yang terlibat dalam profession undang-undang.

Beberapa perkara lain yang dikecam kerana dianggap mencacatkan amalan demokrasi di negeri ini ialah larangan berdemonstrasi terutama di kalangan pelajar-pelajar universiti dan larangan mengadakan rapat umum tertama ketika kempen pilihanraya. Demikian pula halnya dengan kaedah memberi atau memperbaharui permit KDN atau izin penerbitan untuk akhbar-akhbar dan majalah-majalah.

Semuanya itu telah menjadi sasaran kecaman sebab dianggap melanggar prinsip-prinsip demokrasi dengan menyekat kebebasan bersuara dan menapikan hak politik mereka yang berkenaan.

Segolongan juru analisa sosial dan politik di negeri ini telah mengemukakan beberapa sebab kenapa sekatan-sekatan tersebut diadakan oleh kerajaan atau oleh mereka yang bertanggungjawab.

Antara sebab-sebab itu ialah:

(1) Adanya kecenderungan setengah pihak yang tidak mahu menerima kritik atau teguran dan tidak mahu melihat wujudnya kepelbagaian pendapat;

(2) Keengganan untuk membincangkan sesuatu isu itu secara terus terang dan terbuka;

(3) Wujudnya sikap taat membuta tuli atau "feudal psycholoji" di kalangan pihak berkuasa di pelbagai peringkat; dan

(4) Wujudnya anggapan yang salah konon kestabilan itu hanya akan tercapai melalui kekuasaan mutlak yang tidak boleh diganggu gugat.

Dalam hal ini, tentu saja kerajaan mempunyai alasan dan rasional mereka yang tersendiri pula. Antara alasan atau jawapan yang lazim diberikan terhadap pelbagai kecaman itu ialah bahawa perkara-perkara yang dikecam itu perlu diadakan dengan tujuan untuk menjamin supaya ketertipan dan keamanan tetap terpelihara agar dengan demikian pembangunan sosial dan ekonomi dapat berjalan lancar dan mencapai kejayaan.

Memang disedari bahawa kedua belah pihak mempunyai hujjah masing-masing yang lebih panjang dan terperinci. Tetapi di samping itu yang patut juga disedari ialah bahawa berbanding dengan negara-negara membangun yang lain, amalan demokrasi-politik di Malaysia ini tidaklah banyak cacatnya.

Umpamanya, pilihanraya kebangsaan untuk memilih ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan-Dewan Perundangan Negeri masih tetap diadakan secara berkala, walaupun barangkali banyak aspek demokrasi mengenai pilihanraya itu masih perlu disempurnakan.

Parti-parti politik, baik yang menguasai kerajaan mahupun yang berada di pihak pembangkang, masih tetap dan bebas mengadakan mesyuarat, konvensyen, kursus dan ceramah bilabila sahaja. Sungguhpun



● Di Malaysia mengamalkan demokrasi berparlimen.

Pendemokrasian kuasa ekonomi masih tertinggal di belakang berbanding dengan pendemokrasian kuasa politik di Malaysia

Malaya yang disertai oleh pembicara dari berbagai golongan sosial dan politik. Semua kegiatan tersebut lazimnya mendapat liputan yang luas dalam akhbar-akhbar kebangsaan, walaupun patut diakui bahawa pendapat yang mengkritik kerajaan umumnya dilaporkan dengan cara yang sederhana.

Hasrat

Demikianlah, pelbagai pertubuhan dengan serba kegiatannya adalah kemudahan-kemudahan untuk menyalurkan hasrat dan aspirasi rakyat dalam proses demokrasi politik di negeri ini.

Dan semuanya itu bermakna bahawa penyaluran kuasa politik — iaitu peluang mengeluarkan pendapat dan turut mempengaruhi proses pengambilan keputusan — sudah semakin berkembang dengan luas, walaupun masih banyak aspek tertentu yang masih perlu diperbaiki.

Tetapi ada satu soalan lain yang memerlukan pemikiran lebih lanjut: Apakah demokrasi politik itu menjadi tujuan terakhir dari segala-galanya?

Soalan seumpama itu mengingatkan kita kepada pendapat seorang pemimpin India yang terkenal, laitu Jawaharlal Nehru, yang menyatakan bahawa : Demokrasi bererti kesamaratan, tetapi bukan semata-mata kesamaratan dalam memiliki hak mengundi yang menentukan kekuasaan politik, tetapi juga kesamaratan ekonomi dan sosial yang menentukan wujudnya keadaan yang adil dan makmur.

Jadi, konsep dan amalan demokrasi politik yang dibincangkan dalam makalah ini mestilah dilimbangi dengan konsep dan amalan demokrasi ekonomi.

Dan berikutan dengan itu soalan yang timbul ialah: adakah kemajuan kita untuk mencapai matlamat demokrasi ekonomi setakat ini sejajar dan setanding dengan kemajuan untuk mencapai matlamat demokrasi politik?

Ada pihak yang berpendapat bahawa walaupun pembangunan ekonomi negeri ini telah berkembang dengan pesat semenjak kemerdekaan tercapai, namun pendemokrasian kuasa ekonomi itu masih tertinggal di belakang berbanding dengan pendemokrasian kuasa politik.

Kalau memang begitu, kesimpulan karangan ini ialah bahawa masalah utama mengenai demokrasi di Malaysia sekarang sebenarnya bukan terletak pada aspek politiknya, tetapi yang lebih mendesak ialah pendemokrasian, atau penyamaratan, kuasa dan keselesaan ekonomi di kalangan setiap individu dan golongan.■

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia